

# NEGARA2 ISLAM PERLU BERSATU

**KODIANG, Sabtu 1982** Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa negara-negara Islam perlu bersatu padu dengan semangat persaudaraan bagi menghadapi berbagai masalah umat Islam, khususnya mengenai kekejaman Yahudi terhadap orang-orang Palestin.

"Perpaduan negara-negara Islam amat penting bagi mengatasi masalah-masalah tersebut dengan berkesan dan jayanya," kata Perdana Menteri, ketika merasmikan majlis Nuzulul-Quran anjuran KEMAS Kedah di Kampung Kodiang Lama, kira-kira 2 km dari sini.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, di waktu orang-orang Palestin memerlukan simpati dan pertolongan, negara-negara Islam hendaklah bersatu dan sepakat membantu saudara-saudara mereka.

beliau amat sedih sekali kerana Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam bagi membincangkan serangan Yahudi terhadap Lebanon ga-

## Oleh NAZ

gal diadakan kerana tidak cukup korum.

"A m a t i a h menyedihkan ada negara-negara Islam yang tidak berminat hadir di persidangan seumpama ini untuk mencari penyelesaian terhadap masalah palestini," tambahnya.

Perdana Menteri juga dukacita kerana sejak kebelakangan ini, ramai orang Islam di negara-negara Islam tidak hidup secara Islam yang sebenarnya.

"Mereka tidak bersatu padu, tidak tolong menolong, tiada semangat persaudaraan Islam dan tidak menuntut ilmu seperti yang dituntut oleh agama Islam," katanya.

Menurutnya, ramai orang Islam sudah lupa tanggungjawab mereka terhadap saudara-saudara seagama yang menderita dan ditindas.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, walaupun ada negara-negara Islam yang kaya,

mereka kini lebih mengutamakan kepentingan masing-masing dari membantu saudara-saudara mereka yang ditindas oleh Yahudi.

Beliau juga kuatir perkara seperti ini akan berlaku di negara ini jika umat Islam tidak mahu hidup secara Islam iaitu bersatu padu, tolong menolong serta memupuk semangat persaudaraan.

Katanya, di negara ini juga terdapat orang-orang Islam yang tidak sedar hakikat ini dan cuba menimbulkan perpecahan di kalangan masyarakat Islam.

Menurut beliau, tindakan kerajaan mengambil alih beberapa syarikat asing dengan membeli saham-saham mereka untuk menjaga kepentingan rakyat supaya mereka sendiri dapat menikmati pelaburan-pelaburan dalam syarikat itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kerajaan juga mengadakan berbagai peluang untuk rakyat supaya mereka dapat memperbaiki taraf hidup masing-masing untuk menghadapi hidup yang penuh cabaran.

"Tetapi ada juga orang Islam yang tidak suka kita berbuat demikian kerana mereka menganggap tangkai tersebut tidak secukup

dengan agama Islam," tambahnya.

Beliau mengingatkan umat Islam perlu insaf bahawa mereka perlu mempunyai kekuatan di bidang ekonomi di samping meningkatkan penghayatan terhadap agama.

Katanya, umat Islam tidak seharusnya berpura-pura dengan mengaku beragama Islam tetapi tidak hidup secara Islam.

"Sia-sia kita berpegang teguh kepada ajaran Islam, tetapi sebenarnya hidup kita tidak secara Islam," ujarnya.

Mengenai bantuan kerajaan Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan umat Islam sepatutnya jangan berharap atau bergantung sangat kepada bantuan tersebut.

"Kita perlu berusaha berdiri di samping mendapat bantuan kerajaan supaya dapat melahirkan rasa tanggungjawab terhadap sesuatu usaha itu," tambahnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir dan isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah, membuka puasa bersama-sama penduduk Kampung Kodiang Lama di masjid kampung itu sebelum perasmian majlis Nuzulul-Quran tersebut.